

# Anjur larian guna aplikasi District Race

**KUALA LUMPUR** - Perlumbaan Eksplorasi Bandar menerusi platform aplikasi District Race anjuran AIA Vitality akan berlangsung di Dataran Merdeka bermula pukul 6 pagi pada 3 November ini.

Ketua Pegawai Pemasaran AIA Malaysia, Heng Zee Wang berkata, buat pertama kalinya, teknologi seperti aplikasi District Race dijadikan platform dalam acara larian di Malaysia.

"Kami berharap acara ini membolehkan rakyat Malaysia mengeksplorasi bandar mereka dengan cara baharu bersama keluarga serta rakan-rakan.

"Pihak AIA percaya District Race mampu menjanjikan sebuah pengalaman yang hebat untuk semua peserta nanti," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Terdahulu, sebelum acara kemuncak di Kuala Lumpur, perlumbaan akan diadakan secara berperingkat melibatkan beberapa lokasi seperti Pulau Pinang, Melaka dan Johor Bahru secara percuma.

Hentian maya dikenali 'grids' akan dipaparkan pada 21 Jun hingga 20 Oktober nanti dan orang ramai turut berpeluang memenangi pelbagai



ZEE Wang (kiri) dan Pember menunjukkan aplikasi District Race pada telefon pintar selepas majlis pelancaran District Race by AIA Vitality di Kuala Lumpur semalam.

hadiah menarik apabila menyertainya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif District Technologies, Ben Pember berkata, District Race merupakan aplikasi eksplorasi terhebat di dunia pada masa ini.

"Ia adalah kecanggihan teknologi berteraskan permainan dengan gabungan berasaskan augmentasi realiti (AR) dan mempunyai pengesanan lokasi melalui alat elektronik sistem penentu kedudukan global (GPS).

"Peserta boleh muat turun ap-

likasi District Race di Apps Store dan Google Play untuk digunakan sebagai panduan menjelajah bandar, malah ia dapat mengumpul sebanyak mungkin mata dengan melepasi beberapa stesen hentian maya serta menghadapi cabaran dari segi kepantasan, pengetahuan mengenai bandar, ketangkasan dan penyelesaian masalah," ujarnya.

Untuk maklumat lanjut, layari laman web District Race Malaysia atau ikuti di laman sosial Facebook dan Instagram.